

LAPORAN NAIB CANSELOR

'Sedekad Gemilang, Bertekad Terbilang' begitulah moto UniMAP dalam mengharungi cabaran tahun 2012. Antara sedar dan tidak, Universiti ke 17 ini telah menjangkau usia sedekad penubuhannya. Alhamdulillah, berkat kerjasama, komitmen dan kerja keras seluruh warganya, UniMAP telah dapat berdiri megah sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi tersohor di Malaysia dan terus dikenali di serata pelusuk dunia.

Tahun 2012 terus melakarkan pencapaian cemerlang UniMAP di persada kebangsaan dan antarabangsa. Dari sudut penarafan institusi, UniMAP muncul antara 35 institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menerima

pengiktirafan Cemerlang (TIER 5) menerusi Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) 2011. Pencapaian ini menunjukkan peningkatan dari pengiktirafan Sangat Baik (TIER 4) yang diperolehi UniMAP pada penilaian SETARA dua tahun lalu. Begitu juga dengan D-SETARA (Disiplin Kejuruteraan), UniMAP turut diiktiraf di Tier 5 atau Universiti Cemerlang. Walaubagaimanapun, bagi Instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA) pula, UniMAP hanya meraih pencapaian tiga(3) bintang berbanding empat(4) bintang berdasarkan data sebelumnya, namun masih mendahului dalam kedudukan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

	UniMAP
Taraf Bintang (2007-2009)	★★★
Taraf Bintang (2008-2010)	★★★★
Taraf Bintang (2009-2011)	★★★

Jadual 1 : Perbandingan taraf bintang untuk penilaian MyRA

UniMAP turut unggul dalam penilaian MyMOHES iaitu sistem pengurusan dan pengintegrasian data maklumat KPT yang dibangunkan bagi menyediakan data IPTA dan meningkatkan kualiti data Pengajian Tinggi negara secara bersistem. Berdasarkan petunjuk prestasi yang dikeluarkan setiap enam bulan oleh pihak KPT, UniMAP telah mencapai keputusan 97.32%.

LAPORAN NAIB CANSELOR



MOHE ENTREPRENEURIAL AWARDS 2012

TAHNIAH

Kita tidak boleh memandang bahawa perihaluan dan tindakam dalam negara di sisi bakti yang diberikan oleh aktiviti keusahawanan dan perniagaan setiap warga. Tidak dimuluk, kita dapat menyumbang kepada negara empat dedah keberlanjutan ini dijayaan oleh para usahawan yang sememangnya dinamik dan progresif. Maka di sinilah tetapan cabaran kita untuk mempertingkatkan lagi talian pembangunan keusahawanan dan meneruskan usaha membudayakan keusahawanan pada setiap lapisan masyarakat di negara.

PENERIMA ANUGERAH

BEST STUDENT ENTERPRISE - Gemilang Agribiz Sdn Bhd (UPM)

University Category:

- INSTITUTIONAL ENVIRONMENT AWARDS 2012 - UNIMAP**
- Student Engagement Awards 2012 - UUM**
- Innovative and Entrepreneurial Staff Award 2012 - USM**
- Entrepreneurial Impact Award 2012 - UPM**
- Innovative and Entrepreneurial Teaching and Learning Award 2012 - UTM**
- Premier Overall Award: Entrepreneurial University of The Year 2012 - UITM**

TB Dato' Seri Mohamed Khalid Noraini
Menteri Pengajian Tinggi
18 Februari 2012

KINews

Selain itu, UniMAP telah berjaya memenangi Anugerah Keusahawanan Malaysia bagi Kategori Persekitaran Kondusif Keusahawanan (Institutional Environment) anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Anugerah yang bertujuan untuk mempromosikan dan menggalakkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar menyaksikan UniMAP beroleh hadiah berupa piala dan wang tunai bernilai RM50,000.

UniMAP turut berbangga apabila laman webnya telah diberikan penarafan lima bintang menerusi penilaian oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia Sdn. Bhd. (MDeC) sekaligus menduduki tempat ketiga dari kalangan laman web Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dengan perolehan 92 markah. Pada penilaian tahun 2011, UniMAP hanya mencatatkan 78 markah dengan penarafan empat bintang dan menghuni kedudukan ketujuh.

Naib Canselor turut mencipta sejarah sendiri dalam bidang penyelidikan apabila diiktiraf terbaik di peringkat antarabangsa menerusi anugerah World Inventor Grand Order of Merit pada World Inventor Award Festival (WIAF) 2012 anjuran Korea Invention News (KINEWS) dengan kerjasama International Intellectual Property Network Forum (IIPNF). Anugerah tertinggi tersebut diberikan atas penglibatan aktif beliau dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan juga memartabatkan penyelidikan di kalangan penyelidik muda ke peringkat yang lebih tinggi.

Selain anugerah tersebut, UniMAP turut menerima tiga lagi anugerah utama lainnya iaitu menerusi Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah yang dianugerahkan King Sejong Inventor Order of Merit hasil pencapaian cemerlang beliau dalam pertandingan dan pameran penyelidikan yang disertai sepanjang tahun 2012 serta anugerah Nobel Inventor Order of Merit melalui dua penyelidik lain iaitu Mohd Arif Anuar Salleh dan Prof. Madya Dr. Zainab

1	Universiti Malaysia Terengganu	94	5	9	73
1	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	94	5	4	84
1	Universiti Utara Malaysia	94	5	11	69
2	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	93	5	1	95
3	Universiti Malaysia Perlis	92	5	7	78
3	Universiti Putra Malaysia	92	5	10	72
4	National University of Malaysia	87	5	6	79
4	Universiti Malaysia Sabah	87	5	13	63
5	Islamic Science University of Malaysia	85	5	2	90
5	Universiti Sains Malaysia	85	5	3	86
6	Universiti of Malaya	81	5	7	78
6	Universiti Sultan Zainal Abidin	81	5	12	68
6	Universiti Teknologi Malaysia	81	5	8	76
7	Universiti Pendidikan Sultan Idris	80	5	9	73
8	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	79	4	10	72
9	Universiti Malaysia Pahang	77	4	5	83

Jadual 3 : Senarai Kedudukan IPT Bagi Penilaian Laman Web

LAPORAN NAIB CANSELOR



Hamzah. Selain anugerah-anugerah utama, penyelidik UniMAP turut menggondol beberapa anugerah sampingan lain antaranya melalui Tunku Muhammad Nizar Tunku Mansur dengan anugerah Energy Invention Order of Merit, Prof. Ryspek Usubamatov bagi anugerah National Prestige Enhancing Invention Order of Merit serta Prof. Madya Dr. Zainab Hamzah bagi anugerah Agricultural Invention Order of Merit. Manakala dua orang pelajar di bawah kelab ENVEX Young Researcher Club (EYReC) turut menerima pengiktirafan masing-masing iaitu Zawin Najah Zulkefli dengan anugerah Agricultural Invention Order of Merit dan Siti Shafiqah Taufik Suhaimi melalui anugerah Invention Gifted Student Order of Merit.

Sementara itu, Pengarah Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE), Prof. Dr. Uda Hashim telah terpilih untuk menerima anugerah Hadiah Laureate Sains dan Teknologi ISESCO 2012 daripada The Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO). Anugerah tersebut adalah bagi menghargai sumbangan besar beliau dalam bidang teknologi khususnya teknologi nano dan bakal meletakkan nama beliau sebaris dengan 'ISES Science and Technology Laureate'.

Golongan wanita dilihat turut menyumbang kepada kecemerlangan UniMAP bagi tahun 2012. Timbalan Dekan Pengurusan Akademik, Dr. Hakimah Osman berjaya memperolehi Anugerah Nasional Fellowship untuk Wanita Di Dalam Sains (Fellowships For Women In Science, FWIS) oleh L'Oreal Malaysia. Anugerah tersebut merupakan sebahagian Program Fellowship L'Oreal Untuk Wanita Di Dalam Sains peringkat antarabangsa yang diperkenalkan sejak 1998. Selain itu, Pelajar Sarjana Kejuruteraan Bioproses, Ainatul Alia Alias berjaya merangkul gelaran Ikon Varsiti BH 2012 bagi kategori Teknologi: Agro dan Inovasi, manakala Siti Nursyafiqah Samsudin, pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Polimer telah menerima Anugerah Nadi Negara 2012

anjuran Pergerakan Wanita UMNO atas pencapaian cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Sepanjang tahun 2012, UniMAP telah melahirkan seramai 1830 graduan iaitu 0.7% graduan adalah bagi peringkat Doktor Falsafah, 3.3% graduan bagi peringkat Ijazah Sarjana, 67.2% bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, 15.5% bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dan 13.3% bagi peringkat Diploma. Dalam Istiadat Konvokesyen yang sama, UniMAP telah menganugerahkan empat ijazah kehormat iaitu Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan kepada Mantan Ketua Setiausaha Negara, YABhg. Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Prof. Ciaran O'Cathain, Presiden Athlone



LAPORAN NAIB CANSELOR

Institute of Technology (AIT), Ireland; Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Academician Tan Sri Prof. Emeritus Dr. Augustine Ong Soon Hock, President of the Malaysian Invention and Design Society (MINDS) dan Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan kepada Tn. Hj. Annuar Mohd. Safar, Naib Presiden Kulim Technology Park Corporation.

Segala pencapaian dan pengiktirafan yang dinyatakan, tidak dapat dicapai tanpa tulang belakang yang cekap dan efisien dalam menguruskan pentadbiran sesebuah universiti. Jika di awal penubuhannya UniMAP hanya beroperasi dengan 116 orang staf pentadbiran dan 13 orang tenaga akademik, kini pada tahun 2012, UniMAP memiliki kekuatan 1274 staf pelbagai jawatan termasuk 68 orang staf antarabangsa daripada pelbagai Negara. Tahun 2012 turut menyaksikan 14 orang staf pelbagai jawatan dinaikkan pangkat mengikut gred jawatan masing-masing iaitu 4 Profesor Madya menerima kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Gred Khas C, 7 orang pensyarah dinaikkan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan Gred DS52 dan 3 orang kakitangan bukan akademik menerima kenaikan pangkat ke jawatan kanan mengikut kategori perjawatan masing-masing.

Dari sudut pengurusan tertingginya, UniMAP telah menerima kehadiran Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang baru apabila Dato' Profesor Emeritus Ir. Dr. Zainai Bin Mohamed dilantik memegang jawatan tersebut berkuatkuasa 1 Julai 2012. Dato' Dr. Zainai menggantikan Tan Sri Dato Seri Dr Haji Zainul Ariff Bin Haji Hussain yang tamat tempoh perkhidmatannya pada 30

Jun 2012 selepas menerajui UniMAP sebagai Pengerusi LPU dengan penuh cemerlang selama empat tahun. Dato' Dr. Zainai merupakan mantan Naib Canselor pertama Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Dengan pengalaman luas yang dimiliki beliau, seluruh warga UniMAP berharap agar beliau dapat membantu perkembangan dan hala tuju UniMAP dalam mencapai misi menjadi antara 500 buah universiti terbaik di dunia menjelang tahun 2020. UniMAP turut menerima kehadiran dua (2) orang ahli baru bagi menganggotai Lembaga Pengarah UniMAP terdiri daripada YBhg. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah, Pengarah Urusan Sheba Resources Sdn. Bhd. bermula 1 Februari 2012 hingga 31 Januari 2015, dan YBhg. Prof. Dr. Ali Yeon bin Md. Shakaff, Pengerusi Majlis Profesor UniMAP bermula 15 Julai 2011 sehingga 14 Julai 2014.

Bagi memantapkan lagi kualiti sumber manusia di kalangan staf akademik, pihak universiti telah memperakunkan seramai seramai 50 orang fe/o untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA). Daripada jumlah tersebut, 30 orang menyambung pengajian peringkat Sarjana di dalam Negara, 17 orang di peringkat Doktor Falsafah di dalam Negara manakala 3 orang lagi menyambung pengajian di luar Negara. Kesemua mereka dibiayai oleh Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) tajaan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). Selain itu, pihak Universiti turut memperakunkan seramai 57 orang staf yang terdiri dari Tutor, Pegawai Latihan Vokasional dan

Pensyarah untuk melanjutkan pengajian peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Pengajian Lanjutan Kakitangan Akademik (SPLKA).

Kompetensi staf lainnya juga terus ditingkatkan dengan pelaksanaan pelbagai kursus dan latihan. Bagi tahun 2012, Sebanyak 50 program latihan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012. Sebanyak 26 daripadanya adalah anjuran Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Pendaftar manakala selebihnya adalah kursus yang dijalankan dengan kerjasama Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UniMAP. Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan, Bil 6, Tahun 2005, yang menetapkan agar semua penjawat awam perlu menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh(7) hari setahun, UniMAP telah berjaya mencapai tahap 96.1% kehadiran staf. Peratusan ini menunjukkan peningkatan berbanding 86.3% pada tahun 2012.

Komitmen dan sumbangan jitu setiap warganya juga sentiasa mendapat pengiktirafan daripada pihak Pengurusan Universiti. Seramai 92 orang staf UniMAP dari pelbagai peringkat perjawatan telah terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UniMAP 2011 berdasarkan Laporan Prestasi Perkhidmatan Tahun 2011. Ia terdiri daripada 46 orang dalam Kumpulan Pelaksana dan 46 orang dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 10.84 % dari tahun 2010.

UniMAP turut memantapkan struktur organisasinya bagi tahun 2012. Pusat Kaunseling telah ditubuhkan

LAPORAN NAIB CANSELOR

berkuatkuasa 1 September 2012 yang bertujuan memusatkan urusan kaunseling dan kebajikan staf dan pelajar di bawah satu bumbung. Selain itu, dalam mempelbagaikan kaedah penyampaian maklumat kepada warganya, UniMAP.fm iaitu saluran radio berkonsepkan radio penyelidikan, bermaklumat dan hiburan telah ditubuhkan. Radio UniMAP akan menyarkan rancangan-rancangan melalui 5 genre penyiaran utama iaitu berita dan ehwal semasa, dokumentari, rencana dan bicarawara, hiburan dan kesenian, drama serta sukan dan rancangan sisipan. Fasa pertama iaitu siaran secara online streaming atau web based telah mula beroperasi pada Julai 2012 dan boleh didengari melalui laman web UniMAP.fm di bahagian aplikasi atas talian melalui *winamp* dan *media player*.

Bidang penyelidikan terus diberi keutamaan sepetimana tahun-tahun sebelumnya. Dua buah lagi Pusat Kecemerlangan Penyelidikan telah ditubuhkan iaitu Pusat Kecemerlangan Tenaga Diperbaharui (CERE) yang memberi tumpuan kepada penyelidikan khusus tenaga solar, angin dan rekabentuk mesin; serta Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan Komunikasi Termaju (ACE) yang menggabungkan kepakaran para penyelidik untuk mengintegrasikan teknologi dan penyelidikan komunikasi tanpa wayar, telekomunikasi cahaya melalui optikal CDMA, radio optik, pengawalan isyarat perambatan dan pengukuran kesan isyarat gelombang mikro. Selain itu, UniMAP akan menjadi pusat rujukan serta penyelidikan dalam bidang mikrofabrikasi dan juga Microelectromechanical Systems (MEMS) bertaraf industri pertama di

Malaysia berikutan penubuhan sebuah Pusat Kecemerlangan Industri iaitu Advanced Multidisciplinary MEMS Based Integrated Electronics NCER Centre Of Excellence (AMBIENCE) menerusi geran kerjasama Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) dan Silterra Malaysia Sdn Bhd (Silterra). Pusat Kecemerlangan ini akan dilengkapi dengan peralatan makmal berteknologi tinggi terkini yang akan menjadi peneraju kepada bidang penyelidikan rekabentuk dan fabrikasi MEMS di wilayah utara.

Dari sudut penawaran program akademik pula, empat program pengajian baru peringkat Sarjana Muda telah ditawarkan iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Pemesinan), Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kepujian) (Kuasa Industri), Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Rekabentuk Rangkaian Elektronik) dan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Sistem Pertanian). Dengan pertambahan empat(4) program peringkat Sarjana Muda menjadikan kesemuanya 28 program pengajian ditawarkan di peringkat Sarjana Muda.

Pertambahan program pengajian ini menyaksikan bilangan pelajar turut mengalami pertambahan. Bagi sidang akademik 2012/2013 jumlah pengambilan pelajar ialah seramai 3,020 orang pelajar iaitu 2,588 orang bagi program Ijazah Sarjana Muda dan 432 orang bagi program Diploma. Jumlah ini ditambah dengan 92 orang pelajar antarabangsa yang telah mendaftar untuk mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di UniMAP di

samping 154 orang pelajar antarabangsa yang mendaftar untuk kursus persediaan Bahasa Inggeris. Tahun 2012 turut menyaksikan seramai 199 orang mengikuti pengajian peringkat pascasiswazah yang terdiri daripada 80 pelajar ijazah Doktor Falsafah dan 119 pelajar ijazah Sarjana.

Kejayaan dalam bidang penyelidikan tidak dapat dinafikan lagi pencapaiannya. Bagi tahun 2012, UniMAP telah mengungguli tiga pameran penyelidikan peringkat kebangsaan dan sembilan pameran penyelidikan di peringkat antarabangsa. UniMAP telah memperolehi 5 pingat emas, 14 pingat perak dan 16 pingat gangsa pada Pameran Malaysia Technology Expo (MTE) 2012. Lebih membanggakan lagi, apabila tiga produk hasil penyelidikan penyelidik UniMAP telah berjaya merangkul anugerah khas iaitu Best Award untuk produk *Novel Multipurpose Geopolymer Coating Paint* dan *Green Nanocomposite Solder New Generation of Robust Low Cost Lead-Free Solder Materials for Electrical and Electronics Joining* dan produk ketiga, *Cellulose Methacrylate (CM) as New Binder for Water Hyacinth Paper* memperolehi Anugerah Khas dari Asia Invention Association Korea. Bagi Pameran International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX) pula, UniMAP telah berjaya memperolehi 19 pingat emas, 32 pingat perak dan 9 pingat gangsa. Beberapa anugerah khas telah berjaya diperolehi iaitu Henry Goh Award for the Best Environmental Invention bagi produk *Go Green: Think Eco-Composite* dan Anugerah Khas Taiwan bagi produk *Triple Play Services OCDMA System Using Modified Double Weight (MDW)*

LAPORAN NAIB CANSELOR

Code. UniMAP seterusnya merangkul 22 pingat di Pameran Bio Malaysia 2012 iaitu 3 pingat emas, 9 pingat perak dan 10 pingat gangsa.

Penyertaan pameran di peringkat antarabangsa pula terus menghasilkan kejayaan 100% kepada setiap produk penyelidikan yang dihasilkan. Bagi tahun 2012, UniMAP telah memperoleh 1 emas dan 3 perak di Pameran The 40th International Exhibition of Invention New Technique & Products, Geneva; 2 emas dan 1 perak di Pameran International Trade Fair , Ideas, Invention Of New Products (IENA); 2 emas di Pameran Invention & New Products Exposition (INPEX); 1 emas di Pameran British Invention Show (BIS); 3 emas di Pameran The 37th International Invention Show Zagreb Fair (INOVA); 4 emas di Pameran Kreativiti Dan Inovasi Eropah (Euroinvent) Romania; 2 emas di International Exhibition Of Inventions (Kunshan), New Techniques And Products (IEIK); 3 emas dan 1 perak di Pameran Seoul International Invention Fair (SIIF) dan 1 emas di Korea International Women's Invention Exposition (KIWIE).

Sepanjang tahun 2012, sebanyak RM13.15 juta nilai pelbagai geran penyelidikan telah diterima oleh para penyelidik UniMAP. Jumlah ini menyaksikan peningkatan sebanyak RM739,175 berbanding tahun 2011. Sebanyak 39 projek penyelidikan menerima dana daripada Geran FRGS dengan nilai RM2,975,000, manakala 17 projek penyelidikan dibayai oleh Geran ERGS dengan nilai RM1,158,635. Para penyelidik turut menerima beberapa peruntukan daripada geran baru dalam menjalankan penyelidikan masing-

masing. Antaranya ialah Geran RACE sebanyak RM271,350; Geran RAGS bernilai RM1,800,000; Geran MTUN CoE sebanyak RM1,184,600 dan Geran Swiftlet CoE bernilai RM100,700. Dalam menggalakkan para penyelidik terus menjalankan aktiviti penyelidikan, UniMAP turut menyalurkan peruntukan seed money berjumlah RM885,000.

Dalam menyemarakkan fungsi sebagai gedung ilmu, Perpustakaan UniMAP telah memulakan operasinya di Kampus Pauh Putra, namun mengekalkan ruang sedia ada di KWSP untuk memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar terutama pelajar Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan. Dengan pemasyhuran nama sebagai Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, kutub khanah ini mempunyai 44,980 buku dan 347 jurnal bercetak. Selain bahan bercetak, gedung ilmu ini mempunyai 1.5 juta koleksi buku elektronik, 20,003 koleksi jurnal elektronik, dan 5,911 koleksi bahan media. Jumlah keseluruhan menunjukkan peningkatan bilangan koleksi sebanyak 16.48% berbanding tahun sebelumnya. UniMAP turut berusaha ke arah memperkasakan penerbitan ilmiah. Penerbitan 2012 meliputi 19 buku, 8 jurnal, 3 modul pengajaran, dan 36 terbitan khas.

Jalinan kerjasama sama ada di dalam dan luar Negara terus disemarakkan dengan 19 Memorandum Persefahaman (MoU), 3 *Letter of Intent (LoI)*, 1 *Memorandum of Association (MOA)* dan 1 *Letter of Appointment (LoA)* ditandatangani dengan industri atau institusi seluruh Malaysia yang menyumbang kepada kerjasama dalam bidang akademik, penyelidikan dan

pengkomersilan. Selain itu, UniMAP turut meluaskan jaringan kerjasama antarabangsa dengan menandatangani 25 MoU dengan universiti atau organisasi luar Negara. Kolaborasi UniMAP dan Athlone Institute of Technology (AIT), Ireland juga diteruskan dengan penganjuran The 2nd International Malaysia Ireland Joint Symposium (IMiEJS) 2012. Persidangan yang diadakan di Kuala Lumpur ini bertujuan meningkatkan penglibatan pelajar Malaysia dan Ireland di dalam persidangan antarabangsa, juga bagi meningkatkan nilai perkongsian ilmu dan jaringan kerjasama antara Malaysia, Ireland dan Negara-negara lain di Eropah.

UniMAP melalui beberapa PTj akademik juga turut menganjurkan beberapa siri persidangan kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun 2012 iaitu International Conference on Advanced Material Engineering & Technology (ICADME), International Conference on Biomedical Engineering (ICoBE), 2nd Malaysian International Conference on Trends in Bioprocess Engineering (MICOTriBE), International Conference on Man-Machine Systems (ICoMMS), International Conference on the Roles of Humanities and Social Sciences In Engineering (ICOHSE), 2nd Regional Conference on Applied & Engineering Maths (RCAEM), International Conference on Applications and Design in Mechanical Engineering dan International Conference on Advanced Material Engineering & Technology (ICAMET). Selain itu UniMAP dengan kerjasama Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sekali lagi menganjurkan Seminar

LAPORAN NAIB CANSELOR

Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA). Penganjuran seminar buat kali kedua ini diteruskan dengan tujuh skop perbincangan yang merungkaikan sejarah pendidikan Melayu hingga transformasi pendidikan Melayu masa kini. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pencapaian cemerlang di peringkat staf diimbangi dengan pencapaian yang sama oleh para pelajarnya. UniMAP sekali lagi menunjukkan keunggulan dalam bidang penyelidikan menerusi para penyelidik mudanya yang menyertai pameran penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penyertaan melalui ENVEX Young Researcher Club (EYReC), menyaksikan para penyelidik muda UniMAP memenangi 6 emas dan 2 perak di Asian Young Inventor Exhibition (AYIE) 2012 serta anugerah khas Excellence In Invention & Innovation daripada Taipei International Invention Show & Technomart (INST 2012). Selain itu, mereka juga merangkul 1 emas dan 1 gangsa di Novel Research Invention Competition (NRIC 2012) serta 2 emas, 5 perak dan 5 gangsa di The 3rd Exposition On Islamic Innovation 2012 (i-INOVA'12). Pencapaian di peringkat antarabangsa pula ialah 2 emas, 1 perak dan 1 gangsa serta 3 anugerah khas di 2012 International Youth Invention Exhibition (IYIE) Tainan, Taiwan; 3 emas, 2 perak dan 1 gangsa di 2012 Macau Communic & International Innovation & Invention Expo; 2 emas dan 1 Gangsa serta 1 anugerah khas di International Exhibition For Young Inventors' (IEYI Thailand 2012); 2 perak di The 7th International Exhibition Of Inventions

(Kunshan), New Techniques And Product (IEIK 2012) dan 5 emas dan 2 perak di Korea Cyber International Genius Inventor Fair 2012 (CIGIF 2012).

Penyelidik muda UniMAP juga berjaya meraih anugerah khas tertinggi yang ditawarkan pada 3rd International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-ENVEX) 2012. Program ini dianjurkan oleh UniMAP dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Malaysian Invention and Design Society (MINDS). Produk *Bio-Molecule Detection Using In House Fabricated Microstructure Based Sensor* yang dicipta oleh Sharma Rao A/L Balakrishnan berjaya meraih anugerah MOHE Grand Price Award. Menerusi i-ENVEX 2012, UniMAP mengungguli bagi kategori IPT dengan pungutan pingat tertinggi iaitu sebanyak 22 pingat di mana enam daripadanya adalah pingat emas, 8 perak dan 8 gangsa.

Para pelajar UniMAP juga unggul dalam bidang robotik apabila menjadi juara keseluruhan Malaysia University Robot Competitions (MURoC) 2012. Pencapaian terbaik itu diraih selepas pasukan UniMAP muncul Naib Johan kategori *Paintball Robot*, tempat ketiga bagi kategori *Rope Climbing Robot* dan tempat keempat bagi *Fire Fighting Robot*. Penyertaan para pelajar menerusi Pasukan UniART-EV UniMAP juga telah berjaya meraih anugerah Rekabentuk Keselamatan Terbaik dan Persembahan Pit dan Portfolio Terbaik pada Proton Green Mobility Challenge (PGMC) 2012. PGMC 2012 merupakan salah satu tanggungjawab sosial PROTON dalam usaha membangunkan bidang automotif yang mapan dengan menghasilkan kenderaan yang

menggunakan tenaga elektrik.

Selain itu bakat pelajar antarabangsa terus diiktiraf apabila dinobatkan sebagai juara untuk kali kedua berturut-turut bagi pertandingan 1 World Culture. Pelajar tahun dua, Shehabaddin Galal Hael, muncul juara bagi kategori Antarabangsa Lelaki dan bagi kategori Nusantara Lelaki, pelajar tahun 3, Ahmad Fachree memenangi tempat kedua. UniMAP turut mengekalkan kejuaraan menerusi kategori tarian. Selain itu, pelajar antarabangsa tahun satu UniMAP Ameen Mohammed Ameen meraih tempat ketiga dalam Pertandingan Akhir Nyanyian Lagu Melayu Antarabangsa (PALMA 2012). Pelajar UniMAP turut melakar kejayaan membanggakan dalam bidang sukan. Kejayaan paling manis adalah melalui kejohanan Sukan Antara Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) apabila pasukan UniMAP meraih 5 emas melalui acara Tenis; 12 Emas, 1 perak dan 4 gangsa menerusi acara olahraga dan 1 gangsa menerusi acara sepaktakraw. Pencapaian ini merupakan rekod terbaik sepanjang penyertaan pelajar UniMAP di dalam acara sukan.

Sumbangan kepakaran dan kemudahan UniMAP kepada beberapa sekolah di negeri Perlis menerusi Program Jalinan Kerjasama Antara IPTA dan Sekolah Kluster Kecemerlangan telah diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Pengiktirafan ini diberikan apabila UniMAP bersama SMK Dato' Sheikh Ahmad, Arau dan SK Sena, Kangar menerima beberapa anugerah semasa Majlis Anugerah Kecemerlangan Jalinan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK). Dengan kerjasama strategik sepanjang 5

LAPORAN NAIB CANSELOR

tahun ini, UniMAP telah diiktiraf oleh Jawatankuasa Khas Penilaian IPTA-SKK untuk menerima 5 anugerah bersama kedua-dua sekolah kluster kecemerlangan iaitu:

1. Anugerah Perdana dimenangi oleh UniMAP dan SMK Dato' Sheikh Ahmad, Arau;
2. Anugerah Emas Amalan Terbaik dimenangi oleh UniMAP dan SMK Dato' Sheikh Ahmad, Arau;
3. Anugerah Gangsa Amalan Terbaik dimenangi oleh UniMAP dan SK Sena, Kangar;
4. Anugerah Perak Inovasi & Reka Cipta dimenangi oleh UniMAP dan SK Sena, Kangar;
5. Anugerah Perak Program Jalinan dimenangi oleh UniMAP dan SK Sena, Kangar.

UniMAP juga berjaya mengekalkan status juara keseluruhan Sukan Universiti-Universiti Malaysia (SUKUM) ke-37 buat kali kelima berturut-turut apabila menjuarai empat daripada 20 acara sukan yang dipertandingkan. Empat acara yang dikuasai oleh UniMAP ialah olahraga lelaki dan wanita, bola tampar lelaki dan tenpin boling lelaki. Manakala lima acara yang meraih kedudukan kedua pula ialah bola tampar wanita, hoki lelaki, tenis campuran, boling padang wanita dan tenpin boling wanita.

UniMAP turut meraih kedudukan ketiga bagi dua acara sukan iaitu sepak takraw lelaki dan boling padang lelaki. Secara keseluruhannya pencapaian UniMAP adalah amat cemerlang apabila meraih 25 pingat emas, lima pingat perak dan lima pingat gangsa.

Bagi aspek pembangunan kampus pula, tahun 2012 merupakan tahun kedua Rancangan Malaysia Ke-10 dan Kementerian Kewangan telah mengambil pendekatan berbeza dari segi perlaksanaan projek di mana agihan peruntukan diberikan secara rolling plan melibatkan beberapa rolling plan sepanjang tempoh 2011 – 2015. Dalam 2nd Rolling Plan bagi tahun 2012, UniMAP mendapat peruntukan sebanyak RM16.8 Juta untuk bayaran akhir Projek Paket 3B, Projek Paket 4 serta projek naiktaraf balapan bitumen kepada sintetik di Kompleks Sukan dan pemasangan kerusi di Dewan Kuliah 600. UniMAP turut melaksanakan satu projek di bawah peruntukan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) iaitu pembinaan asrama untuk 1000 pelajar. Projek yang menelan belanja sebanyak RM32 Juta masih di peringkat pembinaan. Projek ini dijangka siap pada awal tahun 2013. Selain daripada itu, melalui Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) di bawah Jabatan Perdana Menteri, UniMAP mendapat satu lagi projek inisiatif pembiayaan swasta (PFI) iaitu pembinaan asrama untuk 4000 pelajar yang dinamakan PFI-2. Projek ini akan dimulakan pada awal tahun 2013.

Dalam usaha memacu pembangunan dan perkembangan Kampus UniMAP di Pauh Putra, pengurusan Universiti memutuskan untuk membangunkan beberapa bangunan dengan menggunakan sumber dalaman Universiti bagi meningkatkan prasarana Kampus untuk kemudahan dan keselesaan kepada para pelajar khasnya. Projek-projek yang dirancang untuk dilaksana dengan menggunakan sumber dalaman Universiti ialah Dewan Peperiksaan, ICT Data Center, Surau 500

Jemaah dan Litar Go Kart. Bagi menampung pertambahan pelajar pula, sebuah premis telah disewa bagi pembukaan sebuah kolej kediaman baru di Pauh Putra bagi penempatan para pelajar antarabangsa. Kolej ini diberi nama Kolej Kediaman Tunku Abdul Rahman (KKA) dan boleh menampung seramai 103 orang pelajar lelaki. Kolej kediaman di Taman Aman telah dijenamakan sebagai Kolej Kediaman Antarabangsa.

Melihat kepada aspek kewangan bagi tahun 2012, pendapatan mengurus UniMAP adalah sebanyak RM258,290,090 berbanding RM218,639,879 pada tahun 2011. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM39,650,211 (18.13%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM208,589,029 (80.76%) adalah merupakan pemberian Kerajaan dan bakinya sebanyak RM49,701,061 (19.24%) adalah hasil sumber dalaman UniMAP. Perbelanjaan mengurus UniMAP pada tahun 2012 pula adalah sebanyak RM264,489,568 berbanding dengan RM224,011,669 pada tahun 2011. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM40,477,899 (18.06%). Kurangan pendapatan mengurus UniMAP pada tahun 2012 adalah sebanyak RM6,199,478 berbanding dengan kurangan sebanyak RM5,371,790 pada tahun 2011. Secara keseluruhannya, lebihan pendapatan terkumpul mengurus UniMAP pada tahun 2012 adalah sebanyak RM58,386,693 berbanding dengan RM64,586,171 pada tahun 2011.


Pendapatan pembangunan UniMAP pada tahun 2012 ialah sebanyak RM40,432,829 berbanding dengan

LAPORAN NAIB CANSELOR

pendapatan pembangunan pada tahun 2011 sebanyak RM128,390,309 berkurang sebanyak RM87,957,480 (68.51%). Daripada pendapatan pembangunan UniMAP pada tahun 2012, sebanyak RM30,242,009 (74.80%) adalah merupakan pemberian Kerajaan dan bakinya sebanyak RM10,190,820 (25.20%) adalah daripada geran dilunas. Perbelanjaan pembangunan UniMAP pada tahun 2012 pula adalah sebanyak RM26,156,383 berbanding dengan RM101,369,132 pada tahun 2011. Ini merupakan pengurangan sebanyak RM75,212,749 (74.20%). Secara keseluruhannya, lebihan terkumpul pendapatan pembangunan UniMAP pada tahun 2012 adalah sebanyak RM78,847,239 berbanding dengan RM64,570,793 pada tahun 2011. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM14,276,446 (22.11%). Lebihan terkumpul ini adalah terdiri daripada nilai infrastruktur dan aset tetap lain yang dibayar dari geran pembangunan kerajaan.

Jumlah nilai aset harta tanah, loji dan peralatan UniMAP pada tahun 2012 adalah sebanyak RM166,991,717 berbanding RM62,898,812 pada tahun 2011. Ini merupakan pertambahan sebanyak RM104,092,905 (165.49%). Aset semasa UniMAP pula berjumlah RM126,841,279 pada tahun 2012 berbanding RM124,452,739 pada tahun 2011. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM2,388,540 (1.92%). Tanggungan semasa UniMAP pada tahun 2012 adalah sebanyak RM15,266,010 berbanding dengan RM21,711,852 pada tahun 2011. Ini merupakan pengurangan sebanyak RM6,445,842 (29.69%). Pada tahun 2012, jumlah aset bersih UniMAP adalah sebanyak RM569,080,538 berbanding RM544,899,971 pada tahun 2011. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM24,180,567 (4.44%).

Setelah sedekad mengharung suka duka dalam mendepani cabaran semasa, UniMAP dilihat telah dewasa dalam merencanakan halatujunya. Semoga pengalaman 10 tahun itu diperhalusi bagi merangka strategi yang lebih mantap demi memastikan hasrat menjadikannya antara 500 universiti terbaik dunia menjelang 2020 dapat direalisasikan.



Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin
Naib Canselor.